

**KOLEJ KEDIAMAN SEBAGAI KEPERLUAN SEMASA DALAM
MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN PELAJAR DI UiTM PERAK**

3

Oleh

MUHAMMAD FADHIL BIN BAHRIN

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
SERI ISKANDAR**

OKTOBER 2012

ABSTRAK

Modal insan menjadi fokus dan agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak termasuk Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan tidak terkecuali juga kepada pengurusan kolej kediaman. Kolej kediaman merupakan tempat utama bagi kebanyakan pelajar menghabiskan masa selain daripada di fakulti. Selain daripada menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penginapan dan makanan kepada pelajar, kolej kediaman juga bertindak menyediakan program pembangunan dan kepimpinan pelajar. Kajian akhir ini membincangkan kepentingan kolej kediaman di Universiti Teknologi MARA Perak terhadap pelajar dalam memperkasakan modal insan. Kolej kediaman yang terdapat di UiTM Perak adalah Kolej Cempaka Sari, Kolej Indera Mulia, Kolej Indera Sakti dan Kolej Pasir Salak. Kolej Seri Manjung pula merupakan kolej yang berperanan dalam menyelia pelajar yang menetap di luar kampus. Hasil analisis menunjukkan kebanyakkan pelajar memilih untuk menetap di kolej kediaman berbanding menetap di luar kawasan kampus dengan menyewa rumah. Faktor kos sara hidup yang tinggi manjadi alasan utama ramai pelajar memilih untuk menetap di kolej kediaman. Sebagai contoh, kos pengangkutan membebankan mereka terutamanya pelajar yang menetap di luar kampus yang mana mereka berulang-alik daripada rumah sewa untuk ke kelas pada setiap hari. Beberapa cadangan dirangka bagi mangatasi masalah tersebut dengan meningkatkan lagi peranan pihak pengurusan UiTM Perak dalam menyediakan kemudahan penempatan kepada pelajar untuk memberi taraf kehidupan yang selesa dan lebih berkualiti kepada mereka. Sampel kajian dipilih secara rawak dan sebanyak 201 set borang soal selidik telah diedar. Responden kajian terdiri daripada pelajar UiTM Perak yang menetap di dalam kampus dan pelajar yang bukan menetap di dalam kampus. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS 19.0.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi yang telah memberi saya peluang dan kekuatan untuk menyiapkan projek Kajian Akhir, Bahagian 06 (Semester Jun-Okttober 2012). Semoga Allah S.W.T mencurahkan rahmat ke atas kita semua.

Di kesempatan ini sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan terutamanya kepada Dr. Wan Rabiah Wan Omar, selaku penyelia kajian akhir yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat, pendapat serta tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan projek ini. Segala teguran, nasihat dan tunjuk ajar serta kata-kata semangat akan tetap saya ingati dan amatlah dihargai.

Tidak dilupakan juga kepada ibubapa Bahrin Bin Sairon dan Siti Fatimah Binti Abdul Rahim, rakan-rakan, dan lain-lain yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian projek ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberi kerjasama dan sokongan dalam menyiapkan projek ini. Jasa dan pengorbanan anda semua tidak dilupakan.

Sekian Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Isi Kandungan	iii
	Senarai Jadual	vii
	Senarai Rajah	ix
	Senarai Lampiran	x
	Senarai Singkatan Nama	xi

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Matlamat Kajian	3
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Skop Kajian	4
1.6	Pendekatan Kajian	4
1.6.1	Peringkat 1: Mengenalpasti Isu Dan Masalah	4
1.6.2	Peringkat 2: Pembentukkan Matlamat, Objektif Dan Skop Kajian.	4
1.6.3	Peringkat 3: Pengumpulan Data.	6
1.6.4	Peringkat 4: Proses Analisis Data	6
1.6.5	Peringkat 5: Cadangan	6
1.7	Kawasan Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Definisi Kata Kunci: Kolej Kediaman	9
1.10	Rumusan	9

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Universiti Teknologi MARA Perak (UiTM Perak) telah ditubuhkan dan dibuka secara rasmi pada tahun 1985 di Bandar Baru Seri Manjung dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Perak. Pada 1 Januari 1999, kampus UiTM Perak telah berpindah kawasan dan mula beroperasi di Bandar Seri Iskandar yang terletak di Daerah Perak Tengah. Misi utama UiTM Perak (2011) ialah:

“Ke arah mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran Bumiputra dalam semua bidang yang ditawarkan di UiTM Perak menerusi penyampaian program professional dan separa professional, penyelidikan serta penglibatan dalam khidmat mesyarakat berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesional”.

Sumber: UiTM Perak (2011)

Hal ini dapat dijelaskan bahawa dalam usaha melahirkan individu yang berkebolehan, pihak universiti perlu merangka beberapa strategi pembangunan pelajar dengan menyediakan pelbagai kemudahan fizikal dan perkhidmatan kepada mereka untuk tujuan akademik mahupun bukan akademik. UiTM Perak merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan untuk kegunaan para pelajar bagi meningkat pembangunan akademik dalam aktiviti pembelajaran mereka. Antara kemudahan fizikal yang disediakan ialah kolej kediaman pelajar. Hampir semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memiliki kolej kediaman. Tidak dinafikan kolej kediaman merupakan salah satu kemudahan fizikal yang penting di sesebuah universiti.